

## RESEARCH ARTICLE

# HUBUNGAN ANTARA FAKTOR SEKOLAH, KONSEP KENDIRI DAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR

## (The Relationship Between School Factors, Self-Concept and Behavior Among Secondary School Students in Selangor)

Sabarnur Abd Radzak, Amna Md Noor, Azlina Mohd Kfir, Muhd. Dhamir Audi Azizul

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

**ABSTRAK** - Mutakhir ini, sistem pendidikan menghadapi cabaran dalam domain sosial, ekonomi dan alam sekitar impak daripada globalisasi serta kadar perkembangan teknologi yang lebih pantas. Isu kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar seringkali menjadi perbualan hangat isu semasa dan seterusnya melahirkan gambaran negatif kepada sistem pendidikan. Penyelidikan ini dilaksanakan untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor dan mengenalpasti hubungan antara faktor sosiodemografi, konsep kendiri, serta faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Pendekatan kuantitatif dan rekabentuk survei digunakan secara analisis inferensi. Seramai 400 orang pelajar sekolah yang berumur 14 dan 16 tahun dari lapan buah sekolah menengah di negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Hasil analisis ujian-t mendapat terdapat perbezaan yang signifikan bagi kelima-lima subskala dalam tingkah laku (kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) berdasarkan jantina. Ujian korelasi pearson antara latar belakang sosiodemografi dengan tingkah laku menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang negatif antara pendapatan isi rumah dengan kebimbangan dan masalah somatik. Keputusan ujian korelasi juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang negatif antara konsep kendiri dengan semua subskala tingkah laku dan terdapat hubungan signifikan yang positif antara konsep kendiri dengan semua subskala faktor sekolah. Kesimpulannya, ibu bapa, pihak sekolah, dan NGO termasuklah penggerak pusat perlindungan dapat mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial ini dalam merangka program pencegahan interaktif yang bersesuaian bagi mengelakkan remaja terjebak dengan masalah sosial.

**ABSTRACT** - Nowadays, education system are facing unprecedented challenges – social, economic and environmental driven by accelerating globalisation and a faster rate of technological developments. However, the issue of moral deterioration and student discipline acknowledged as a well-known debate that directly impose a negative image in the education system. The purpose of the present research (1) to determine the differences in behavior based on sociodemographic factors among secondary school students in Selangor and (2) to identify the relationship between sociodemographic factors, self-concept, as well as school factors and behavior among students' secondary school in Selangor. Quantitative approach and survey design were employed in this study. A total of 400 school students aged 14 and 16 from eight secondary schools in the state of Selangor were involved in this study. Data collection procedure was acquired through self-administered questionnaires and systematic random sampling has been used in the selection of respondents. The t-test analysis found that there were significant differences for all five subscales in behavior (anxiety, withdrawal, somatic problems, aggressive behavior, and rule-breaking behavior) based on gender. Meanwhile, Pearson's correlation result between sociodemographic background and behavior shows that there is a significant relationship between household income and anxiety and the number of siblings with aggressive behavior and somatic problems. The Pearson's correlation indicates there is a significant relationship between self-concept and all subscales in the school factor and all subscales in internalizing and externalizing behavior. In conclusion, parents, schools, and NGOs, including the organizers of shelters, would investigate deeply the factors influencing teenagers involved in social problems by designing appropriate interactive programs to avoid teenagers involved in social problems ahead.

### 1.0 PENDAHULUAN

Golongan pelajar hari ini adalah generasi pelapis yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan (Furlong et al., 2021). Generasi ini perlu mempunyai pelbagai persiapan dan kekuatan diri untuk menggalas tanggungjawab serta peranan sebagai pemimpin barisan hadapan dalam masyarakat dan negara pada suatu hari nanti.

\*CORRESPONDING AUTHOR | Sabarnur Abd Radzak | [zur\\_ain17@yahoo.com](mailto:zur_ain17@yahoo.com)

© 2023 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Namun pada masa kini, tingkah laku golongan pelajar khususnya semakin dicabar dengan pelbagai masalah di dalam negara dan penglibatan golongan pelajar dalam kes-kes tingkah laku delinkuen sama ada ringan atau berat didapati berlaku dengan berleluasa. Menurut Arslan (2021) antara penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah kenakalan pelajar iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak-anak muda. Antara masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat ialah perzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Hasbullah et al., 2020). Keterlibatan pelajar dalam tingkah laku bermasalah ini didapati berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktor dalaman tersebut adalah sikap diri sendiri dan latar belakang keluarga (Yohanes, 2017), manakala faktor luaran seperti pengaruh rakan, media massa dan persekitaran (Kuzik et al., 2022) dikenalpasti mempengaruhi penglibatan pelajar. Gejala sosial dalam kalangan pelajar yang berlaku ini penting diberi perhatian serta memerlukan usaha dan sokongan pelbagai pihak. Ini bertujuan untuk membendung tingkah laku sosial ini daripada terus berleluasa (Buerah et al., 2015). Sebaliknya, jika ianya tidak ditangani dengan segera, tingkah laku sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar ini menjadi semakin sukar untuk diubati. Menurut Azizi dan Rosnah (2007), pelajar yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian atau delinkuen. Ia merupakan tingkah laku luaran yang dimanifestasikan oleh kanak-kanak yang bertindak negatif terhadap persekitaran luaran (Liu, 2004). Manakala, tingkah laku dalaman pula merujuk kepada gangguan emosi atau perasaan yang disebabkan oleh kesukaran mengawal emosi negatif (Terzian et al., 2011) yang menyebabkan kanak-kanak melepaskan perasaan pada diri sendiri dan boleh mencederakan diri serta psikologi dalaman mereka.

Pada peringkat perkembangan pelajar, mereka akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa baik dari segi fizikal maupun mental. Pembentukan ini boleh dilihat dari perubahan perasaan atau emosional. Ciri-ciri inilah yang akan membentuk konsep kendiri seseorang pelajar. Konsep kendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Menurut Arslan, G., Allen, K. A., dan Ryan (2020) konsep kendiri ialah tanggapan seseorang pada dirinya yang meliputi kepercayaan, perasaan, sikap dan nilai. Manakala, menurut Courtenay-Hall, P., dan Rogers, (2002), konsep kendiri bermaksud definisi diri yang diberikan pada diri secara sedar apabila menggunakan perkataan “saya”. Konsep kendiri penting kerana ia adalah identiti peribadi seseorang yang dilihat oleh dirinya dan akan membawa kemudahan kepada pelajar kerana ia seringkali berfikir dan menilai diri serta tingkah lakunya untuk membuat penyesuaian agar menepati kehendak idealnya. Pada masa perubahan ini berlaku, kebanyakan mereka suka mengikut perasaan dan sering mengalami tekanan. Akibat daripada itu, pelbagai tindakan yang di luar jangkaan sering dilakukan oleh mereka bagi memenuhi hati dan kehendaknya semata-mata. Menurut Tierno (1991) pelajar mengalami gangguan emosi seperti bimbang akan kegagalan untuk membuat penyesuaian semasa bertembung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka pelajar akan menghasilkan tingkah laku yang menyimpang. Perlakuan ini akan menimbulkan masalah sosial yang besar impaknya kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, di dalam penyelidikan ini objektif kajian yang ingin dicapai adalah;

- 1) Untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.
- 2) Untuk menentukan hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, bilangan adik beradik), konsep kendiri, serta faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak isu yang mendorong pelajar pada masa kini terlibat dalam masalah sosial yang kurang sihat. Isu yang pertama adalah latar belakang sosio-demografi pelajar seperti jantina, bilangan adik beradik, dan pendapatan isi rumah. Di Malaysia, pelajar di bawah umur 18 tahun turut melakukan pelbagai aktiviti jenayah seperti rogol, pencabulan, liwat, rompakan, vandalisme, pembunuhan dan sebagainya. Pada tahun 2020 penglibatan pelajar yang berumur 16 hingga 17 tahun dalam aktiviti jenayah sangat meluas dalam beberapa kes seperti jenayah harta benda, dadah, jenayah berkaitan manusia, kesalahan lalu lintas, senjata/bahan api, akta kesalahan kecil, dan judi. Penglibatan kes pelajar yang paling tinggi dicatatkan dalam kes jenayah berkaitan harta benda, dadah, dan kesalahan lalu lintas. Majoriti pelajar yang terlibat dalam pelbagai kesalahan tersebut adalah pelajar lelaki iaitu sebanyak 1,483 individu. Manakala pelajar perempuan pula adalah sebanyak 112 individu. Jika dilihat pada statistik ini, pelajar lelaki berpotensi untuk terus telibat dalam pelbagai kesalahan jenayah kelak sekiranya tiada intervensi atau penyelidikan lanjutan untuk mengekang penularan tingkah laku jenayah ini. Secara keseluruhannya terdapat 1,595 pelajar yang terlibat dalam pelbagai jenis kesalahan pada tahun 2020. Sudah tentu keadaan ini sangat membimbangkan ibu bapa, masyarakat, dan pihak sekolah. Jadual 1 di bawah menunjukkan kes baru pesalah muda (pelajar) mengikut jenis kesalahan dan jantina pada tahun 2020.

Jadual 0. Kes baru pesalah muda (pelajar) mengikut jenis kesalahan dan jantina pada tahun 2020

Jenis Kesalahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Jenayah harta benda	261	24	285
Dadah	338	37	375
Jenayah berkaitan manusia	70	3	73
Kesalahan lalu lintas	563	1	564

Jadual 0. (samb.)

Jenis Kesalahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Senjata/bahan api	19	0	19
Akta kesalahan kecil	5	3	8
Berjudi	8	6	14
Lain-Lain	219	38	257
Jumlah	1,483	112	1,595

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020

Isu kedua yang menjadi teras dalam kajian ini adalah statistik berkaitan dengan masalah tingkah laku luaran dan dalaman terhadap pelajar masih meningkat secara konsisten. Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komuniti mahupun negara (Zainudin, S., dan Norazmah, M. R, 2011). Tingkah laku negatif ini boleh dilihat kepada dua kategori iaitu tingkah laku luaran dan tingkah laku dalaman. Tingkah laku luaran *externalizing* adalah bersifat impulsif dan kurang pengawalan diri seperti agresif serta permasalahan buli di sekolah sering dikaitkan dengan tingkah laku luaran yang mengganggu kesihatan mental dan kefungsian pelajar (Arslan et al., 2020). Individu ini sentiasa menonjol dengan permasalahan tingkah laku sehingga menjadikan pembelajaran dan perhubungan sosial. Manakala tingkah laku dalaman *internalizing* bersifat mengasingkan diri, selalu sedih, pemalu, berfokus kepada ketakutan dan fantasi. Keadaan sebegini mungkin tidak disedari oleh guru kerana tidak mengganggu. Namun, tingkah laku ini menjadikan pembelajaran dan perhubungan sosial yang normal. Di Malaysia, pelbagai kes jenayah yang melibatkan masalah tingkah laku dalaman dan luaran telah diteliti sepenuhnya seperti pornografi, (Arslan dan Allen, 2022; Arslan dan Cocksun, 2022), dan ketagihan dadah (Asanjarani et al., 2022) dalam kalangan pelajar akibat kepekaan terhadap masalah juvana yang meningkat (Huang, 2022; Veríssimo et al., 2020). Dalam sesetengah kes, perubahan ini boleh menyumbang kepada kemunculan masalah tingkah laku luaran dan dalaman seperti agresif kepada rakan sebaya (Van Geel et al., 2021). Walaupun perbincangan mengenai isu ini dalam dimensi yang luas, Huang (2022) mendapati kebanyakan kajian ini mempunyai tumpuan yang berbeza, sama ada menekankan tanggapan umum kepada tingkah laku luaran dan dalaman atau secara khusus menyelidik komponen tertentu seperti agresif, dan penyalahgunaan bahan (Asanjarani et al., 2022).

Selain itu, faktor tercetusnya masalah tingkah laku dalaman dan luaran pada hari ini dalam kalangan pelajar adalah akibat daripada isu kegagalan institusi keluarga yang gagal. Kajian oleh Huang (2022), menunjukkan bahawa faktor keluarga seperti perhubungan ibu bapa dan pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan atau mengurangkan masalah tingkah laku. Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mengesahkan bahawa terdapat hubungan antara perhubungan ibubapa dengan aktiviti salah laku dalam kalangan pelajar (Cruwys et al., 2022) dan perpaduan keluarga yang rendah serta konflik ibu bapa dengan anak (Yıldırım, 2022). Tambahan pula, sosialisasi rakan sebaya juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku. Sehubungan itu, pengaruh rakan sebaya telah terbukti mempunyai pengaruh yang besar terhadap kecenderungan tingkah laku pelajar secara positif atau negatif. Sebagai contoh, kajian lepas telah menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah berkaitan dengan tingkah laku ponteng (Arslan dan Allen, 2022). Berpandukan beberapa kajian, bukti mengenai proses sosialisasi telah ditemui apabila merujuk kepada pengaruh langsung kumpulan rakan sebaya yang menyimpang terhadap tingkah laku antisosial pelajar (Cruwys et al., 2022; Furlong et al., 2021).

Kajian ini juga mengkaji konsep kendiri dan merujuk kepada Yıldırım (2022) konsep kendiri dalam kalangan pelajar adalah tidak statik tetapi merupakan konstruk utama yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dengan rakan sebaya serta orang dewasa. Selain itu, Arslan dan Allen (2022) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara komunikasi ibu bapa dan anak-anak dengan konsep kendiri pelajar. Tambahan pula, hubungan keluarga dan rakan sebaya berperanan penting dalam pembangunan konsep kendiri pelajar yang kekurangan sokongan ibu bapa dan dielakkan oleh rakan sebaya menyumbang kepada konsep kendiri yang rendah dan akibatnya timbul masalah emosi dan tingkah laku negatif (Asanjarani dan Arslan, 2021). Kajian lepas juga mendapati kualiti hubungan ibu bapa dengan pelajar dikaitkan secara positif dengan harga diri pelajar (Huang, 2022; Veríssimo et al., 2020), yang bertukar kepada tingkah laku agresif (Arslan, 2021).

Faktor sekolah yang menekankan tentang budaya dan iklim sekolah merupakan antara unsur penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Kedua-dua konsep ini penting dalam meningkatkan prestasi dan tingkah laku pelajar. Para pengkaji barat mendapati bahawa usaha pembaharuan iklim sekolah mungkin akan gagal jika ia tidak dikaitkan secara mendalam dengan budaya sekolah (Huang, 2022). Walaupun terdapat kajian yang menyatakan konsep budaya dan iklim sekolah adalah merupakan dua konsep yang berbeza, namun, kedua-dua konsep ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain serta terdapat ciri-ciri yang sama (Wahab et al., 2018). Konsep budaya sekolah merujuk kepada kaedah guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki set kepercayaan, nilai, dan anggapan yang dikongsi bersama dalam mempamerkan identiti sekolah dan menentukan piawaiannya untuk membentuk tingkah laku pelajar. Berpandukan Daud dan Don (2012) budaya sekolah merujuk kepada sebuah sistem sosial yang mengandungi budaya tersendiri merentasi norma institusi, struktur sosial, matlamat dan tujuan.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Populasi, sampel dan lokasi kajian

Kajian ini telah dijalankan di Negeri Selangor dan pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenalpasti sebanyak 402 buah sekolah di seluruh negara. Senarai tersebut menyaksikan negeri Selangor berada pada kedudukan tertinggi dengan penyenaraian 76 buah sekolah, di mana 9 daripadanya terlibat dengan isu dadah. Selain itu, seramai 3,311 pelajar di Selangor dilaporkan keciciran persekolahan pada tahun 2018. Populasi kajian adalah dalam kalangan pelajar secara umum dan tidak dikhususkan hanya terhadap pelajar bermasalah yang berumur 14 dan 16 tahun sahaja. Oleh kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa pelajar yang tidak terlibat dalam peperiksaan awam sahaja yang dibenarkan terlibat di dalam penyelidikan ini, maka hanya pelajar tingkatan dua dan empat sahaja diambil sebagai responden kajian. Pemilihan sampel menggunakan teknik persampelan kelompok pelbagai peringkat yang melibatkan pembahagian populasi kepada beberapa kelompok dan memilih secara rawak bilangan kelompok yang ditentukan. Proses persampelan ini telah dilakukan secara berurutan melalui dua atau lebih tahap hierarki. Terdapat empat peringkat pemilihan sampel iaitu 1) pemilihan daerah, 2) pemilihan sampel sekolah 3) pemilihan sampel kelas dan 4) pemilihan sampel pelajar. Responden yang terlibat (inclusion criteria) adalah semua pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat daripada sekolah harian yang terpilih, manakala responden yang tidak terlibat (exclusion criteria) adalah pelajar bukan dari tingkatan dua dan tingkatan empat daripada sekolah harian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terpilih. Akhir sekali, sampel kajian ialah 400 orang pelajar ( $N=400$ ) dan responden dipilih melalui teknik persampelan kluster berbilang peringkat. Bilangan pelajar setiap sekolah ditentukan secara nisbah bilangan pelajar dengan jumlah keseluruhan pelajar di lapan buah sekolah yang telah terpilih. Jumlah pelajar di setiap sekolah adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah;

Jadual 2. Senarai sekolah dan bilangan responden ( $N=400$ )

No.	Senarai Sekolah	Jumlah Responden
1.	SMK Taman Medan (Petaling Utama)	37
2.	SMK Dato' Harun (Petaling Utama)	47
3.	SMK Bandar Baru Salak Tinggi (Sepang)	68
4.	SMK Seri Sepang (Sepang)	65
5.	SMK Jalan Tiga (Hulu Langat)	66
6.	SMK Bandar Baru Bangi (Hulu Langat)	66
7.	SMK Munshi Abdullah (Sabak Bernam)	26
8.	SMK Bagan Terap (Sabak Bernam)	25
	Jumlah	400

#### 3.2 Instrumen

Satu set soal selidik yang merangkumi gabungan beberapa skala telah digunakan, di mana pengukuran faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah melibatkan (*Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA)*, *Questions of Teacher's Interaction (QTI)*, *School Self-Review Tools (SSRT)*, dan *Multidimensional Scale of Perceived Social Support Zimet*). Pengukuran konsep kendiri menggunakan *Self-Concept Individual Protective Factors Index* dan tingkah laku menggunakan *ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR)*.

#### 3.3 Analisis data

Ujian-t sampel bebas digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui perbezaan semua pemboleh ubah iaitu faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar, hubungan guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial), konsep kendiri dengan tingkah laku (kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) berdasarkan jantina pelajar. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk menerangkan menentukan hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, bilangan adik beradik), faktor sekolah serta konsep kendiri dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar.

### 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Latar belakang sosio-demografi responden

Jadual 3 di bawah menunjukkan latar belakang sosio-demografi responden yang terdiri daripada jantina, bilangan adik beradik dan pendapatan isi rumah yang melibatkan 400 orang responden di negeri Selangor.

Jadual 3. Latar belakang sosio-demografi responden (N=400)

Latar belakang	N	%
Jantina		
Lelaki	183	46
Perempuan	217	54
Bilangan adik beradik		
1	9	2
2-3	143	36
4-5	176	44
6-7	54	13
> 7	18	5
Purata=4.21, S.P.=1.76, Min=1, Mak=12		
Pendapatan Isi Rumah		
B40 (<RM6,960)	274	68.5
M40 (RM6,961-RM14,439)	71	17.8
T20 (>RM14,440)	55	13.8
Purata=7388.25, S.P.=7811.37, Min=300, Mak=50000		

Jadual 3 menunjukkan majoriti daripada responden adalah pelajar perempuan iaitu seramai 217 orang (54.3%) berbanding pelajar lelaki seramai 183 orang (45.8%). Peratusan responden perempuan lebih tinggi berbanding lelaki disebabkan oleh populasi pelajar perempuan lebih besar berbanding lelaki. Kajian ini melibatkan sejumlah 400 pelajar sekolah di negeri Selangor di mana responden adalah terdiri daripada pelajar yang berumur 14 tahun dan 16 tahun yang merupakan pelajar tingkatan dua dan empat. Bilangan adik-beradik di dalam Jadual 3 menunjukkan majoriti responden mempunyai bilangan adik-beradik antara empat ke lima orang (44.0%). Minimum bilangan adik beradik adalah seorang (2.3%) iaitu merupakan jumlah paling rendah. Manakala maksimum bilangan adik beradik adalah dua belas orang iaitu melebihi daripada tujuh orang adik beradik (4.5%). Menurut kajian Kosnini dan Mustapha (2010) bilangan adik-beradik mempengaruhi tingkah laku delikuensi pelajar. Namun, kajian oleh Kosnini, A. M., dan Sivasanthni, (2022) adalah berbeza di mana hasil kajian mendapat bahawa tiada hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku delinkuensi pelajar.

Seterusnya, Jadual 3 memaparkan pendapatan isi rumah responden yang merujuk kepada keseluruhan pendapatan bulanan ibu bapa serta adik beradik yang tinggal serumah atau bersama berdasarkan apa yang dilaporkan oleh responden. Anggaran pendapatan isi rumah adalah di antara RM300 sehingga RM50,000. Umumnya, keluarga responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pendapatan yang rendah (min = RM300.00) iaitu tergolong dalam kategori B40. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) bagi negeri Selangor, kategori B40 (RM6,960 ke bawah), M40 (RM6,961-RM14,439), dan T20 (RM14,440 ke atas). Majoriti 274 responden (68.5%) dikategorikan sebagai B40. Manakala, kategori M40 berjumlah 71 responden (17.8%) dan T20 adalah sejumlah 55 responden (13.8%). Secara keseluruhannya, purata pendapatan isirumah adalah sebanyak RM7388.25. Sehubungan itu, hasil kajian mendapat bahawa majoriti responden adalah berstatus sosio ekonomi yang rendah.

#### 4.2 *Objektif 1: untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.*

Objektif ini dilaksanakan untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan jantina. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan bagi dua kumpulan, analisis ujian-t telah dilakukan untuk menguji perbezaan pemboleh ubah berdasarkan jantina. Berikut merupakan hipotesis yang dibina bagi menguji objektif kedua.

Hipotesis yang dibina untuk menguji perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan jantina adalah seperti berikut;

$H_{a1}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku berdasarkan jantina

$H_{a1a}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam keimbangan berdasarkan jantina

$H_{a1b}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam menarik diri berdasarkan jantina

$H_{a1c}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam masalah somatik berdasarkan jantina

$H_{a1d}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku agresif berdasarkan jantina

$H_{a1e}$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku melanggar peraturan berdasarkan jantina

Jadual 4 memaparkan ujian-t bagi menguji perbezaan dalam tingkah laku pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina. Hasil analisis ujian-t mendapat terdapat perbezaan yang signifikan bagi kelima-lima subskala dalam tingkah laku (keimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) berdasarkan jantina.

Jadual 4. Ujian-t perbezaan tingkah laku berdasarkan jantina (N=400)

Pemboleh ubah	Jantina	n	Purata	S.P.	t(df)	p
<b>Tingkah laku dalaman</b>						
Kebimbangan	Lelaki	183	10.63	4.92	-6.25(398)	.000
	Perempuan	217	13.66	4.74		
Menarik diri	Lelaki	183	5.62	3.01	-6.25(398)	.000
	Perempuan	217	7.19	2.85		
Masalah somatik	Lelaki	183	3.45	2.79	-4.90(398)	.000
	Perempuan	217	4.93	3.17		
<b>Tingkah laku luaran</b>						
Tingkah laku agresif	Lelaki	183	13.51	5.42	-2.87(398)	.004
	Perempuan	217	15.26	5.33		
Tingkah laku melanggar peraturan	Lelaki	183	6.61	3.01	2.09 (398)	.038
	Perempuan	217	6.01	2.68		

Empat subskala menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi skor berbanding pelajar lelaki dan satu subskala iaitu tingkah laku melanggar peraturan skor pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Oleh itu, hipotesis  $H_{a1}$  hingga  $H_{a4}$  adalah diterima. Justeru, dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa tingkah laku dalaman lebih menguasai pelajar perempuan, manakala tingkah laku luaran banyak didominasi oleh pelajar lelaki. Keputusan ini sejajar dengan kenyataan penyelidik-penyalidik terdahulu (Gumber et al., 2020; Li, Lo, dan Cheng, 2018; Aziz et al., 2013). Oleh itu, pelbagai faktor telah dihipotesiskan untuk menjelaskan perbezaan jantina dalam keterlibatan terhadap masalah luaran dan dalaman seperti perbezaan kemahiran interpersonal dan tekanan, kualiti hubungan ibu bapa, konsep kendiri dan sosialisasi.

#### **4.3 Objektif 2: Hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah dan bilangan adik beradik), faktor sekolah, konsep kendiri dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar**

Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah dan bilangan adik beradik), faktor sekolah, konsep kendiri dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar. Hipotesis ini diuji kerana pendapatan isi rumah dan bilangan adik beradik merupakan petunjuk kepada pelbagai masalah sosial dalam kalangan pelajar. Beberapa kajian yang dijalankan oleh Dolly dan Kamsiah (2018), menunjukkan pendapatan ibu bapa yang rendah adalah salah satu faktor penglibatan pelajar dengan tingkah laku devian. Selain itu, kajian Deater Deckard et al., (1998) menunjukkan bilangan adik beradik boleh mempengaruhi tingkah laku. Berikut merupakan hipotesis yang dibina bagi menguji objektif ketiga dalam kajian ini.

##### a) Hubungan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku

Hipotesis yang dibina untuk menguji hubungan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku adalah seperti di bawah;

$H_{a2}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku

$H_{a2a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan kebimbangan

$H_{a2b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan menarik diri

$H_{a2c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan masalah somatik

$H_{a2d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku agresif

$H_{a2e}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku melanggar peraturan

##### b) Hubungan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku

Hipotesis yang dibina untuk menguji hubungan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku adalah seperti di bawah;

$H_{a3a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan kebimbangan

$H_{a3b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan menarik diri

$H_{a3c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan masalah somatik

$H_{a3d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif

$H_{a3e}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku melanggar peraturan

Jadual 5 menunjukkan hanya terdapat dua hubungan yang signifikan secara negatif iaitu 1) pendapatan isi rumah dengan kebimbangan ( $r = -.128$ ,  $p < 0.05$ ), dan 2) pendapatan isi rumah dengan masalah somatik ( $r = -.172$ ,  $p < 0.05$ ).

Situasi ini menunjukkan semakin tinggi pendapatan isi rumah, semakin rendah masalah kebimbangan dan masalah somatik dalam kalangan pelajar. Oleh itu, hipotesis  $H_{a2a}$  dan  $H_{a2c}$  adalah diterima. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar terutama bagi tingkah laku dalam kerana menurut Dolly dan Kamsiah (2018) tekanan hidup akibat pendapatan rendah merupakan permulaan kepada permasalahan sosial lain kepada seseorang individu.

Jadual 5. Ujian korelasi hubungan antara pendapatan isi rumah dan bilangan adik beradik dengan tingkah laku

Pemboleh ubah	Pendapatan isi rumah		Bil. adik beradik	
	r	p	r	p
Kebimbangan	-.128*	.020	.058	.248
Menarik diri	-.098	.076	.037	.462
Masalah somatik	-.172**	.002	.090	.072
Tingkah laku agresif	-.074	.180	.098	.051
T/I melanggar peraturan	.003	.964	.052	.297

Nota \* $p<0.05$ , \*\* $p<0.01$ , \*\*\* $P<0.001$

#### 4.3.1 Hubungan konsep kendiri dengan faktor sekolah dan tingkah laku

##### a) Hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku

Hipotesis yang dibina untuk menguji hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku adalah seperti di bawah;

$H_{a4}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku

$H_{a4a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan kebimbangan

$H_{a4b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan menarik diri

$H_{a4c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan masalah somatik

$H_{a4d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku agresif

$H_{a4e}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku melanggar peraturan

Untuk menguji hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku, hipotesis kajian yang dibina adalah terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku (kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) ( $H_{a4a}$  hingga  $H_{a4e}$ ). Jadual 6 di bawah menunjukkan keputusan analisis Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku dalam dan luaran.

Jadual 6. Ujian korelasi hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku

Pemboleh ubah	Konsep kendiri	
	r	p
Kebimbangan	-.195***	.000
Menarik diri	-.155**	.002
Masalah somatik	-.161**	.001
Tingkah laku agresif	-.228***	.000
T/I melanggar peraturan	-.178***	.000

Nota \* $p<0.05$ , \*\* $p<0.01$ , \*\*\* $P<0.001$

Keputusan analisis korelasi yang dipaparkan dalam Jadual 4.8 menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan antara konsep kendiri dengan kebimbangan ( $r = -.195$ ,  $p < .000$ ); menarik diri ( $r = -.155$ ,  $p < .002$ ); masalah somatik ( $r = -.161$ ,  $p < .001$ ); tingkah laku agresif ( $r = -.228$ ,  $p < .000$ ) dan tingkah laku melanggar peraturan ( $r = -.178$ ,  $p < .000$ ). Pekali korelasi negatif menunjukkan bahawa tingkah laku dalam dan luaran akan menurun sekiranya konsep kendiri meningkat. Justeru, jelas di sini menunjukkan bahawa faktor konsep kendiri sangat penting dalam pembentukan tingkah laku dalam dan luaran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kelima-lima hipotesis ( $H_{a4a}$  hingga  $H_{a4e}$ ) adalah diterima. Konsep kendiri dalam kalangan pelajar adalah tidak statik (Yıldırım, 2022) tetapi merupakan konstruk utama yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dengan rakan sebaya serta orang dewasa. Selain itu, Arslan dan Allen (2022) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara komunikasi ibu bapa dan anak-anak dengan konsep kendiri pelajar. Tambahan pula, hubungan keluarga dan rakan sebaya berperanan penting dalam pembangunan konsep kendiri pelajar yang kekurangan sokongan ibu bapa dan dielakkan oleh rakan sebaya menyumbang kepada konsep kendiri yang rendah dan akibatnya timbul masalah emosi dan tingkah laku negatif (Asanjarani dan Arslan, 2021).

b) Hubungan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah

Hipotesis yang dibina untuk menguji hubungan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah adalah seperti di bawah;

$H_{a5a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan hubungan pelajar-pelajar

$H_{a5b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan hubungan guru-pelajar

$H_{a5c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan persekitaran sosial

$H_{a5d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan sokongan sosial

Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis hubungan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar, hubungan guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial).

Jadual 7. Ujian korelasi hubungan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah

Pemboleh ubah	Konsep kendiri	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Hubungan pelajar-pelajar	.280**	.000
Hubungan guru- pelajar	.337**	.000
Persekutaran sekolah	.331**	.000
Sokongan sosial	.208**	.000

Nota \* $p<0.05$ , \*\* $p<0.01$ , \*\*\* $P<0.001$

Keputusan analisis korelasi yang dipaparkan dalam Jadual 4.9 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif secara signifikan dalam hubungan pelajar dengan pelajar ( $r = .280$ ,  $p < .000$ ), hubungan guru dengan pelajar ( $r = .337$ ,  $p < .000$ ), persekitaran sekolah ( $r = .331$ ,  $p < .000$ ), dan sokongan sosial ( $r = .208$ ,  $p < .000$ ) dengan konsep kendiri. Pekali korelasi positif menunjukkan bahawa peningkatan konsep kendiri dapat meningkatkan faktor sekolah dalam kalangan pelajar. Justeru, jelas di sini menunjukkan bahawa faktor konsep kendiri sangat penting dalam meningkatkan jati diri dan semangat cintakan sekolah dalam kalangan pelajar. Oleh itu, keempat-empat hipotesis ( $H_{a5a} - H_{a5d}$ ) adalah diterima.

#### 4.3.2 Hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku

Ujian Korelasi Pearson turut dilakukan untuk menguji hubungan antara faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar, hubungan guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial) dengan tingkah laku (keimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan).

#### 4.3.3 Hubungan antara hubungan pelajar-pelajar dengan tingkah laku

$H_{a6}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (hubungan pelajar- pelajar) dengan tingkah laku

$H_{a6a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan keimbangan

$H_{a6b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan menarik diri

$H_{a6c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan masalah somatik

$H_{a6d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan tingkah laku agresif

$H_{a6e}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

#### 4.3.4 Hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku

$H_{a7}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (hubungan guru dengan pelajar) dengan tingkah laku

$H_{a7a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan keimbangan

$H_{a7b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan menarik diri

$H_{a7c}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan masalah somatik

$H_{a7d}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan tingkah laku agresif

$H_{a7e}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan

#### 4.3.5 Hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku

$H_{a8}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (persekitaran sekolah) dengan tingkah laku

$H_{a8a}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan keimbangan

$H_{a8b}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan menarik diri

- H<sub>a8c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan masalah somatik  
 H<sub>a8d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif  
 H<sub>a8e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan

#### **4.3.6 Hubungan antara sokongan sosial dengan tingkah laku**

- H<sub>a9</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (sokongan sosial) dengan tingkah laku  
 H<sub>a9a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan keimbangan  
 H<sub>a9b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan menarik diri  
 H<sub>a9c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan masalah somatik  
 H<sub>a9d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tingkah laku agresif  
 H<sub>a9e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tingkah laku melanggar peraturan

Ujian korelasi Pearson telah dilakukan untuk menguji hubungan antara sub skala dalam angkubah bebas (IV) iaitu faktor sekolah dengan angkubah bersandar (DV) tingkah laku. Jadual 8 di bawah menunjukkan keputusan analisa yang telah dijalankan.

Jadual 8. Hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku

Pemboleh ubah	Hubungan pelajar-pelajar	Hubungan guru-pelajar	Persekutaran sekolah	Sokongan sosial
Kebimbangan	-.145** .004	-.152** .002	-.155** .002	-.091 .070
	-.191** .000	-.153** .002	-.160** .001	-.126* .011
Menarik diri	-.053 .289	-.072 .149	-.001 .986	-.008 .872
	-.087 .082	-.202** .000	-.157** .002	.006 .903
Masalah somatik	-.146** .004	-.113* .024	-.112* .025	-.044 .379
Tingkah laku agresif				
Tingkah laku melanggar peraturan				

Nota \*p<0.05, \*\*p<0.01, \*\*\*P<0.001

Berdasarkan Jadual 8, didapati bahawa terdapat hubungan yang negatif secara signifikan antara hubungan pelajar-pelajar dengan keimbangan ( $r = -.145$ ,  $p < .004$ ), menarik diri ( $r = -.191$ ,  $p < .000$ ), dan tingkah laku melanggar peraturan ( $r = -.146$ ,  $p < .004$ ). Oleh itu hipotesis H<sub>a6a</sub>, H<sub>a6b</sub> dan H<sub>a6e</sub> adalah diterima. Selain itu, Jadual 8 juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan antara hubungan guru dan pelajar dengan keimbangan ( $r = -.152$ ,  $p < .002$ ), menarik diri ( $r = -.153$ ,  $p < .002$ ), tingkah laku agresif ( $r = -.202$ ,  $p < .000$ ), dan tingkah laku melanggar peraturan ( $r = -.113$ ,  $p < .024$ ). Oleh itu hipotesis H<sub>a7a</sub>, H<sub>a7b</sub>, H<sub>a7d</sub>, dan H<sub>a7e</sub> adalah diterima. Seterusnya, hasil kajian yang dipaparkan di Jadual 4.10 menunjukkan terdapat hubungan negatif secara signifikan antara persekitaran sekolah dengan keimbangan ( $r = -.155$ ,  $p < .002$ ), menarik diri ( $r = -.160$ ,  $p < .001$ ), tingkah laku agresif ( $r = -.157$ ,  $p < .002$ ), dan tingkah laku melanggar peraturan ( $r = -.112$ ,  $p < .025$ ). Oleh itu hipotesis H<sub>a8a</sub>, H<sub>a8b</sub>, H<sub>a8d</sub>, dan H<sub>a8e</sub> adalah diterima.

Keputusan analisis korelasi yang dipaparkan dalam Jadual 4.10 menunjukkan bahawa hanya sokongan sosial dengan menarik diri sahaja terdapat hubungan negatif secara signifikan ( $r = -.126$ ,  $p < .011$ ). Justeru, hipotesis H<sub>a9b</sub> adalah diterima. Faktor sekolah yang menekankan tentang budaya dan iklim sekolah merupakan antara unsur penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Kedua-dua konsep ini penting dalam meningkatkan prestasi dan tingkah laku pelajar. Para pengkaji barat mendapati bahawa usaha pembaharuan iklim sekolah mungkin akan gagal jika ia tidak dikaitkan secara mendalam dengan budaya sekolah (Huang, 2022). Walaupun terdapat kajian yang menyatakan konsep budaya dan iklim sekolah adalah merupakan dua konsep yang berbeza, namun, kedua-dua konsep ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain serta terdapat ciri-ciri yang sama (Wahab et al., 2018). Konsep budaya sekolah merujuk kepada kaedah guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki set kepercayaan, nilai, dan anggapan yang dikongsi bersama dalam mempamerkan identiti sekolah dan menentukan piawaiannya untuk membentuk tingkah laku pelajar. Berpandukan Daud dan Don (2012) budaya sekolah merujuk kepada sebuah sistem sosial yang mengandungi budaya tersendiri merentasi norma institusi, struktur sosial, matlamat dan tujuan.

## **5.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, objektif pertama kajian ini adalah untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap konsep kendiri, tingkah laku dalaman dan luaran berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah

menengah di Selangor. Kajian mendapati kelima-lima subskala iaitu kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan mempunyai perbezaan secara signifikan berdasarkan jantina. Empat subskala menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi skor berbanding pelajar lelaki dan satu subskala iaitu tingkah laku melanggar peraturan skor pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Objektif kedua kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, dan bilangan adik beradik), faktor sekolah, konsep kendiri serta tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Kajian mendapati hanya kebimbangan dan masalah somatik sahaja yang mempunyai hubungan negatif secara signifikan berdasarkan pendapatan isi rumah. Dapatkan menunjukkan, semakin rendah pendapatan isi rumah, semakin tinggi masalah kebimbangan dan masalah somatik dalam kalangan pelajar. Seterusnya, kajian mendapati, terdapat hubungan positif secara signifikan bagi faktor bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif. Dapatkan ini menunjukkan semakin ramai bilangan adik beradik, semakin tinggi pelajar yang bertingkah laku agresif.

Selain itu, kajian turut dijalankan bagi melihat hubungan di antara faktor sekolah dengan konsep kendiri. Hasil kajian mendapati bahawa, keempat-empat subskala bagi faktor sekolah iaitu hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan konsep kendiri. Dapatkan menunjukkan semakin tinggi hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial, semakin tinggi konsep kendiri dalam kalangan pelajar. Hasil kajian terhadap konsep kendiri mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif secara signifikan dengan kesemua subskala tingkah laku dalaman dan luaran iaitu kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan. Ini menunjukkan, semakin rendah konsep kendiri pelajar, semakin tinggi masalah kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, hasil kajian bagi melihat hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah memaparkan bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan antara hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah dengan kebimbangan. Ini menunjukkan bahawa semakin rendah hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi masalah kebimbangan dalam kalangan pelajar. Kajian seterusnya adalah terdapat hubungan negatif secara signifikan bagi keempat-empat subskala di dalam faktor sekolah iaitu hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, serta sokongan sosial dengan menarik diri. Dapatkan menunjukkan semakin rendah hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, serta sokongan sosial, maka semakin tinggi masalah menarik diri yang dihadapi dalam kalangan pelajar. Bagi tingkah laku agresif pula, didapati bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan dengan hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah. Ini menunjukkan bahawa semakin rendah hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi pelajar yang bertingkah laku agresif. Begitu juga dengan tingkah laku melanggar peraturan, di mana hasil kajian mendapati terdapat hubungan negatif secara signifikan dengan hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah. Dapatkan menunjukkan semakin rendah hubungan antara pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi pelajar yang bertingkah laku melanggar peraturan. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tidak semua boleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan bagi tingkah laku dalaman dan luaran dalam kalangan pelajar. Hanya bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif serta konsep kendiri dengan faktor sekolah sahaja yang mempunyai hubungan positif secara signifikan, manakala boleh ubah yang lain mempunyai hubungan negatif secara signifikan.

Oleh itu, kajian ini telah memberikan sebuah pendedahan awal kepada beberapa pihak yang bertanggungjawab seperti ibu bapa, pihak sekolah, dan NGO termasuk penggerak pusat perlindungan dalam memahami isu penglibatan remaja dalam masalah sosial kini. Sebuah program pemulihan interaktif wajar dilaksanakan dengan mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial ini bagi mengelakkan remaja terjebak dengan masalah sosial. Pakar-pakar dalam pemulihan dadah, pakar koreksional, pensyarah dalam bidang psikologi jenayah, dan kakitangan AADK perlu berganding bahu dan berkumpul *intellectual bonding* dalam membangunkan program atau model tersebut. Selain itu, pembangunan model kawalan ibu bapa yang bekerja terhadap penggunaan internet yang berpotensi terhadap penglibatan masalah sosial sebagai strategi pemantauan yang berkesan wajar diteliti sebagai pencegahan awalan.

## 6.0 KONFLIK KECENDERUNGAN

Penulis ingin memaklumkan tiada konflik kecenderungan di dalam kajian ini

## 7.0 RUJUKAN

- Arslan, G., & Allen, K. A. (2022). Exploring the association between coronavirus stress, meaning in life, psychological flexibility, and subjective well-being. *Psychology, Health & Medicine*, 27(4), 803-814.
- Arslan, G., & Coşkun, M. (2022). Coronavirus-Related Stressors, Resilient Mindset, Loneliness, Depressive Symptoms in College Students: Testing a Moderated Mediation Model. *Psychological Reports*, 00332941221139721.
- Arslan, G. (2021). Loneliness, college belongingness, subjective vitality, and psychological adjustment during coronavirus pandemic: Development of the College Belongingness Questionnaire. *Journal of Positive School Psychology*, 5(1), 17-31.

- Arslan, G., Allen, K. A., & Ryan, T. (2020). Exploring the impacts of school belonging on youth wellbeing and mental health among Turkish adolescents. *Child Indicators Research*, 13, 1619-1635.
- Asanjarani, F., Arslan, G., Alqashan, H. F., & Sadeghi, P. (2022). Coronavirus stress and adolescents' internalizing problems: exploring the effect of optimism and pessimism. *Vulnerable children and youth studies*, 17(3), 281-288.
- Asanjarani, F., & Arslan, G. (2021). Measuring the emotional and behavioral problems among Iranian students: A psychometric study. *Journal of Education for Students Placed at Risk (JESPAR)*, 26(4), 302-315.
- Aziz, A. A., Yusof, K. M., Udin, A., & Yatim, J. M. (2013). Development of students' knowledge-behavioral changes in relation to sustainability through a case study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 102, 568-576.
- Azizi, Y., & Rosnah, B. (2007). Punca berlakunya masalah gejala gengsterisme di kalangan remaja di beberapa buah sekolah menengah di empat buah Negeri. *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, Malaysia*.
- Buerah, T., & Zoolhilmi, A. (2015). Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera Muslim/Buerah Tunggak, Zoolhilmi Ahmed. *Academica*, 85(2), 29-49.
- Carlo, D. P., & Ali, K. (2018). Satu Sorotan Literatur Tentang Penglibatan Sosial Belia Berstatus SosioEkonomi Rendah. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 4(1), 14-19.
- Courtenay-Hall, P., & Rogers, L. (2002). Gaps in mind: Problems in environmental knowledge-behavior modelling research. *Environmental Education Research*, 8(3), 283-297.
- Cruwys, T., Haslam, C., Rathbone, J. A., Williams, E., Haslam, S. A., & Walter, Z. C. (2022). Groups 4 Health versus cognitive-behavioural therapy for depression and loneliness in young people: randomised phase 3 non-inferiority trial with 12-month follow-up. *The British Journal of Psychiatry*, 220(3), 140-147.
- Daud, Y., & Don, Y. (2012). Budaya sekolah, kepemimpinan Transformasional dan pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 111-139.
- Furlong, M., McGilloway, S., Mulligan, C., Killion, M. G., McGarr, S., Grant, A., Davidson, G. & Donaghy, M. (2021). Covid-19 and families with parental mental illness: Crisis and opportunity. *Frontiers in Psychiatry*, 12, 567447.
- Gumber, S., Gumber, L., & Gumber, A. (2020). Predictors of violent incidents amongst patients in psychiatric intensive care units: A review of global evidence. *Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 3(1).
- Hasbullah, N. N., Sulaiman, Z., & Mas'od, A. (2020). The effect of perceived value on sustainable fashion consumption in the era of COVID-19: A proposed conceptual framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 1, 895-906.
- Huang, L. (2022). Exploring the relationship between school bullying and academic performance: The mediating role of students' sense of belonging at school. *Educational Studies*, 48(2), 216-232.
- Kosnin, A. M., & Mustapha, S. (2010). Kaitan antara faktor-faktor kekeluargaan dengan tingkah lakudelikuensi pelajar. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Kosnin, A. M., & Sivasanthni, R. (2022). Relationship between Mothers' and Fathers' Parenting Styles and Truancy amongst Primary School Children/Hubungan antara Gaya Keibubapaan Ibu dan Bapa dengan Masalah Ponteng dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Sains Humanika*, 14(3-2), 161-166.
- Kuzik, N., da Costa, B. G., Hwang, Y., Verswijveren, S. J., Rollo, S., Tremblay, M. S., ... & Saunders, T. J. (2022). School-related sedentary behaviors and indicators of health and well-being among children and youth: a systematic review. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 19(1), 1-32.
- Li, A. Y. L., Lo, B. C. Y., & Cheng, C. (2018). It is the family context that matters: Concurrent and predictive effects of aspects of parent-child interaction on video gaming-relate problems. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 21(6), 374-380.
- Liu, J. (2004). Childhood externalizing behavior: Theory and implications. *Journal of child and adolescent psychiatric nursing*, 17(3), 93-103.
- Terzian, M. A., Andrews, K. M., & Moore, K. A. (2011). Preventing multiple risky behaviors among adolescents: Seven strategies. *Child Trends*, 24, 1-12.
- Tierno, M. J. (1991). Responding to the socially motivated behaviors of early adolescents: Recommendations for classroom management. *Adolescence*, 26(103), 569.
- Van Geel, M., Goemans, A., Zwaanswijk, W., & Vedder, P. (2021). Does peer victimization predict future suicidal ideation? A meta-analysis on longitudinal studies. *Aggression and Violent Behaviour*, 101577.
- Veríssimo, L., Dias, P., Santos, E., & Ortigão, S. (2020). Academic achievement and internalization problems in primary and secondary school students in Portugal. *Education and Research*, 46.
- Wahab, N. B. A., bin Mat Teh, K. S., & Otman, M. S. (2018). Influence of social environment on student's behavior. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 930-939.
- Yıldırım, İ. (2022). What is the role of organizational cynicism in school effectiveness? *SAGE Open*, 12(3), 2158244022111102.

- Yohanes, T. (2017). Assessment of isoniazid preventive therapy in the reduction of tuberculosis among ART patients in Arba Minch Hospital, Ethiopia. *Therapeutics and clinical risk management*, 361-366.
- ainudin, S. & Norazmah, M.R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.